

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(B)17**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL  
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

17. Mengapakah hanya lima kilang haram di Parlimen Kepala Batas yang berjaya didaftarkan pada tahun 2024 daripada sejumlah 64 buah kilang sebagaimana jawapan bertulis Sidang DUN 2017?
- (a) Apakah status terkini 59 kilang yang lain?
  - (b) Bagaimanakah risiko jika ia beroperasi dengan melanggar garis panduan Akta Keselamatan dan Alam Sekitar?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Sehingga tahun 2024, hanya lima (5) buah kilang haram di kawasan Parlimen Kepala Batas telah berjaya didaftarkan daripada keseluruhan 64 buah kilang yang dikenal pasti. Kejayaan pendaftaran ini adalah berdasarkan pematuhan terhadap ketetapan dan syarat yang ditetapkan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) seperti berikut:
- (i) Mendapat kelulusan Permohonan Kebenaran Merancang;

- (ii) Mendapat kelulusan perlingkungan semula kepada kawasan industri; dan
  - (iii) Berjaya mematuhi syarat-syarat yang terdapat di dalam Garis Panduan Pemutihan Kilang (GPPK) MBSP.
- (a) Status terkini bagi 59 buah kilang yang lain adalah seperti berikut:
- (i) Terdapat dua (2) buah kilang telah berjaya mendapat lesen bertempoh;
  - (ii) 57 buah kilang dalam proses permohonan termasuk:
    - Pengemukakan Permohonan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan kepada MBSP;
    - Permohonan yang sedang dalam proses pertimbangan untuk kelulusan oleh jabatan teknikal terlibat; dan
    - Permohonan yang masih dalam proses perlingkungan semula zon guna tanah kepada kegunaan industri.
- (b) Sekiranya kilang tersebut beroperasi dengan melanggar Akta Keselamatan Dan Alam Sekitar, tindakan boleh diambil oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) adalah menarik balik kelulusan lesen kilang menjalankan perniagaan yang telah dikeluarkan

oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sekiranya terdapat sebarang aduan berkaitan sesuatu premis, JAS akan menjalankan siasatan di bawah bidang kuasa Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127) serta peraturan-peraturan di bawahnya. Jika premis tersebut tertakluk di bawah Akta ini, pemeriksaan dan siasatan akan dijalankan berdasarkan pematuhan Peraturan-Peraturan berkaitan antaranya ada seperti berikut:

- (i) Seksyen 18(1), (Akta 127) – premis yang ditetapkan hendaklah dilesen oleh JAS;
- (ii) Seksyen 34A(6), (Akta 127) – Laporan Kesan Kualiti Alam Sekeliling akibat aktiviti yang ditetapkan di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti yang Ditetapkan) (Penilaian Kepada Alam Sekeliling) 2015;
- (iii) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005;
- (iv) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009;
- (v) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009; dan

- (vi) Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014.

Pelanggaran atau ketidakpatuhan terhadap seksyen dan peraturan-peraturan berikut boleh menyebabkan risiko pencemaran alam sekitar seperti pencemaran air, udara dan juga buangan terjadual yang akan memberikan kesan kepada kemerosotan kualiti alam sekeliling. Sebarang ketidak patuhan boleh dikenakan tindakan kompaun serta jika disabitkan di mahkamah boleh dikenakan hukuman maksimum RM10.0 juta serta penjara tidak melebihi 5 tahun.